

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kerajaan lulus RM271.9 juta pembangunan RazakSAT-2	Utusan Malaysia
2.	Deputy minister loses cool over Lynas	The Sun
3.	Lynas assures plant's safety	New Straits Times
4.	Kilang Lynas beroperasi penuh akhir tahun	Kosmo
5.	Kenyataan timbalan menteri "Lynas selamat macam kilang kicap' dikecam	The Malaysia Insider
6.	Kumpulan anti-Lynas, Empangan Murum gabung demonstrasi di Parlimen	The Malaysian Insider
7.	Fasa pertama kilang bahan mentah Lynas dijangka beroperasi penuh pada akhir tahun	Bernamea.com
8.	MP tells deputy minister to 'go to hell'	The Malay Mail
9.	Lynas sasar operasi kilang akhir tahun	Berita Harian
10.	No need for PDF in Lynas plant	The Sun
11.	Bantuan Cyber 999	Berita Harian
12.	UiTM tawar Sarjana Keusahawanan Mac depan	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DEWAN RAKYAT) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 27 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)

Kerajaan lulus RM271.9 juta pembangunan RazakSAT-2



ABU BAKAR

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Kerajaan telah meluluskan peruntukkan sebanyak RM271.9 juta untuk program pembangunan satelit RazakSAT-2 iaitu sebuah satelit penderiaan jauh bagi memantau permukaan bumi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, peruntukan itu merangkumi pembangunan; pengujian dan pelancaran satelit; pembinaan stesen bu-

mi kedua di Tuaran, Sabah; penambahbaikan stesen bumi di Sungai Lang, Banting, Selangor; pembangunan modal insan serta aktiviti kajian ahli lembaga.

Katanya, pembangunan satelit RazakSAT-2 dijangka mengambil masa selama tiga tahun dan pelancarannya adalah berdasarkan kepada peluang pelancaran yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan pelancaran.

"Satelit RazakSAT-2 dijadual berope-

rasi di orbit pada 2016," katanya ketika menjawab soalan asal **Sim Chee Keong (DAP-Bukit Mertajam)** yang ingin tahu perkembangan projek RazakSat-2 dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Abu Bakar berkata, projek itu masih lagi di peringkat pemilihan rakan teknologi untuk bekerjasama dengan sebuah syarikat Menteri Kewangan Yang Diperbandakan (MKD) iaitu Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB) yang berfungsi

sebagai kontraktor rasmi pembangunan satelit RazakSAT-2.

"Rakan teknologi akan terlibat dalam kerja membentuk, pembuatan, pengujian dan pelancaran serta pengoperasian satelit tersebut," katanya.

Jelas beliau, teknologi satelit yang bakal digunakan adalah antara yang terkini terdapat di pasaran semasa.

"Resolusi kamera pada RazakSAT-2 adalah lebih baik dari RazakSAT-1," katanya.

KERATAN AKHBAR
THE SUN: MUKA SURAT 1
TARIKH: 27 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)



**HEATED
MOMENT**

... Kuantan resident Ow Dai Soo (left) raises a fist to make a point to Abu Bakar.

Deputy minister **loses cool** over Lynas

BY **KAREN ARUKESAMY**
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: A deputy minister got into a war of words with members of an anti-Lynas group protesting yesterday at Parliament against the rare earth plant in Gebeng, Pahang.

Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Abu Bakar Mohamad Diah and the group, led by Fuziah Salleh (PKR-

Kuantan), nearly got into a shoving match and had to be separated.

What made the anti-Lynas group upset was Abu Bakar's statement that the plant was "safe as a kicap (soy sauce) factory".

"I can take you all for a site visit to the factory to see the facilities. Expenses will be fully borne by the ministry," he said.

He earlier received a memorandum from Fuziah who had led several Gebeng residents to see him.

Abu Bakar guaranteed that the plant is "safe" since he had visited the plant. He got into an argument with the anti-Lynas group's lawyer Rahiza Zulkifli, pointing his finger at her and warning her not to raise her voice.

He told the group that as a new deputy minister "I do not have the details and expert answers to all your questions".

Lynas assures plant's safety

NOT HAZARDOUS: Govt agencies and public watchdogs monitoring its operations, says its MD

LAVANYA LINGAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

LYNAS Malaysia claimed that their plant complies with all environmental and licensing requirements and does not pose any threat to the environment, their employers or the people in the vicinity.

Its managing director, Datuk Mashal Ahmad, said the plant operated at atmospheric pressure, involved no explosive or highly flammable material, thus there was no cause for concern about its safety.

"Lynas is not a nuclear plant, it is not equivalent to the Fukushima plant as claimed by many quarters, it is just a simple chemical plant.

"Lynas is not classified as a major hazard installation under the Occupational Safety and Health Act nor is it regulated under the Control of Industrial Major Accident Hazards," he said in his lecture 'Rare Earth: Towards a Greener Future' at University Malaya yesterday.

He added that Lynas' operations had been audited by various bodies, including the Atomic Energy Licensing Board (AELB), International Atomic Energy Agency, the Parliament Select Committee, a panel of experts set up by various government agencies and public watchdogs.

Lynas also provides monitoring facilities, and reports real-time and online readings to the authorities and public.

Two aerosol monitoring systems are located on-site and in Kuantan, respectively, to monitor radiation levels in the air.

Air emission and water discharges are also

continuously monitored.

On the permanent disposal facility (PDF) which was part of AELB's pre-conditions to issue a temporary operating licence to Lynas, Mashal said, the company had submitted a plan as required.

However, he said, the PDF was not needed as Lynas had found a mechanism to convert the residue into a safe commercial product.

"We have submitted the plan as a safety net, in the event Lynas could not convert the waste to safe commercial product. But, at this stage, there is no need for a PDF," he said.

Lynas has started phase one of its operation and is now in the ramping and product qualification stage.

"We are ironing out minor teething problems and we are targeting to be fully operational by the end of this year," Mashal said.

Meanwhile, a scuffle broke out between the Science, Technology and Innovation Deputy Minister Datuk Abu Bakar Mohamad Diah and an anti-Lynas group at the Parliament lobby yesterday over the plant's safety.

After receiving the memorandum from Fuziah Salleh (PKR-Kuantan) and several representatives of Gebeng residents, Abu Bakar guaranteed that the plant was "safe".

"The Lynas factory is as safe as a 'kicap' (soy sauce) factory.

"I can take you all for a site visit to see the facilities. Expenses will be fully borne by the ministry."

He added that only experts of international standards and a media team would be eligible for the field trip.

Abu Bakar became defensive when Save Malaysia, Stop Lynas chairman Tan Bun Teet, who is also a resident in the area, questioned the PDF and environmental issues that had not been addressed.

"Why are you defending Lynas? Just answer our questions," Tan said.

It lead to a scuffle with both parties showing each other until Abu Bakar's security officers stepped in.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA): MUKA SURAT 57
TARIKH: 27 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)**

Kilang Lynas beroperasi penuh akhir tahun

KUALA LUMPUR - Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) menjangkakan fasa pertama kilang bahan mentahnya di Kuantan, Pahang, beroperasi sepenuhnya menjelang akhir tahun.

Naib Presiden dan Pengarah Urusannya, Datuk Mas-hal Ahmad berkata, dalam tempoh tersebut, syarikat akan mula mencatatkan pulangan positif berbanding kapasiti kilangnya kini yang masih kecil dan bergerak pada kadar perlahan.

"Pengeluaran kami kini hanya untuk tujuan pensi-jilan pelanggan.

"Apabila semua perkara telah diselesaikan, kami boleh beroperasi dalam kapasiti penuh dan ia akan memberi kesan kepada pendapatan kami," katanya.

Beliau berkata demikian

kepada pemberita selepas menyampaikan syarahan bertajuk *Rare Earth: Towards a Greener Future* di sini semalam.

Mashal menerangkan, fasa pertama kilang itu berupaya menghasilkan sehingga 11,000 tan metrik pekatan nadir bumi yang ketika ini beroperasi pada kapasiti 30 peratus.

Jelasnya, sebaik sahaja fasa kedua kilang itu dimulakan dan berupaya mengandakan kapasiti kepada 22,000 tan metrik, syarikat tersebut dijangka membekalkan 20 peratus daripada permintaan pekatan nadir bumi global.

Dalam suku kedua yang berakhir pada 30 Jun lalu, kilang itu menghasilkan 144 tan metrik pekatan nadir bumi.



Kenyataan timbalan menteri "Lynas selamat macam kilang kicap" dikecam

Timbalan Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah dikecam kerana mengeluarkan kenyataan bahawa kilang pemprosesan nadir bumi Lynas di Gebeng, Kuantan "selamat umpama kilang kicap."

Kenyataan itu dibuat Abu Bakar ketika pertemuan dengan wakil Save Malaysia Stop Lynas (SMSL) dan beberapa wakil Pakatan Rakyat (PR) di Parlimen hari ini yang turut menyaksikan berlakunya pertengkaran kecil.

"Saya baru bekerja selama tiga bulan dan saya perlu memahami kronologi Lynas ini," katanya yang menyebabkan tercetusnya pertengkaran.

Abu Bakar sekali lagi menimbulkan pertengkaran apabila mengakui baru sekali sahaja melawat lokasi kilang Lynas.

"Macam mana kita hendak kata projek ini selamat bila baru sekali sahaja melawat lokasinya? Sedangkan kami sudah dua tahun menetap di sana," kata Pengerusi SMSL, Tan Bun Teet.

Kumpulan berkenaan sebelum itu mengadakan demonstrasi di perkarangan Parlimen sebelum menghantar wakil mereka menemui Abu Bakar.

Sambil membawa plakad hentikan Lynas, kumpulan berkenaan turut melaungkan "Hentikan Lynas" "Sayang Malaysia Hentikan Lynas" dan "kami bukan tikus makmal", yang membabitkan kira-kira 30 individu memakai kemeja-T anti Lynas.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh turut bersama kumpulan berkenaan dalam demonstrasi tersebut.


"Lynas tidak mematuhi syarat dalam Lesen Pengoperasian Sementara (TOL) mereka, jadi mereka perlu ditutup," kata Fuziah.

Syarat 10 bulan untuk Lynas mengenalpasti tapak pembuangan sisa radioaktif kekal radioaktif (PDF) juga tamat pada 2 Julai lalu.

KERATAN AKHBAR
THE MALAYSIAN INSIDER
TARIKH : 27 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)



***Kumpulan anti Lynas, Empangan Murum gabung
demonstrasi di Parlimen***



Dua kumpulan membabitkan kira-kira 50 individu bergabung mengadakan demonstrasi di perkarangan pintu masuk Parlimen, hari ini, kerana membantah pembinaan empangan Murum di Sarawak dan kilang pemprosesan nadir bumi Lynas, di Gebeng, Kuantan.

Mereka berdemonstrai sambil memegang sepanduk tertulis perkataan membantah projek-projek mega berkenaan.

Kedua-dua kumpulan mula bergabung sekitar jam 10.30 pagi dan berbaris sambil melaungkan bantahan mereka.

"Hentikan pembinaan empangan Murum" dan "Utamakan rakyat berbanding keuntungan" adalah antara slogan dilaungkan kumpulan yang membela nasib etnik Penan kerana terjejas akibat pembinaan empangan berkenaan.

Laungan itu kemudiannya berselang seli dengan laungan "Hentikan Lynas" "Sayang Malaysia Hentikan Lynas", "kami bukan tikus makmal", dilaungkan kira-kira 30 individu yang memakai kemeja-T anti Lynas.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh turut bersama kumpulan berkenaan dalam demonstrasi tersebut.

Kumpulan anti Lynas kemudiannya menghantar 10 wakil mereka ke dalam Parlimen untuk menghantar memorandum bantahan mereka.

"Lynas tidak mematuhi syarat dalam Lesen Pengoperasian Sementara (TOL) mereka, jadi mereka perlu ditutup," kata Fuziah.

Syarat 10 bulan untuk Lynas mengenalpasti tapak pembuangan sisa radioaktif kekal radioaktif (PDF) juga tamat pada 2 Julai lalu.

Nadir bumi yang dilombong di Gebeng itu kebiasaannya digunakan dalam industri teknologi seperti iPod, TV paparan rata, kereta hybrid, telefon pintar dan peluru berpandu.

Kilang Lynas di Kuantan mula menjadi perhatian umum apabila didakwa bakal menyebabkan berlakunya pencemaran terhadap alam sekitar dan kawasan perairan kerana dikatakan mengandungi radioaktif.

Malah, badan bukan kerajaan seperti Selamatkan Malaysia Hentikan Lynas (SMSL) turut membantah penubuhan kilang tersebut, yang turut beberapa kali mengadakan protes menyuarakan bantahan mereka.

Selain projek pemprosesan nadir bumi ini, Putrajaya turut menerima tekanan dalam pembangunan projek penapisan petroleum bersepadu di Pengerang, Johor apabila pemimpin pembangkang dan aktivis alam sekitar mendakwa projek berkenaan akan membahayakan alam sekitar.



Fasa Pertama Kilang Bahan Mentah Lynas Dijangka Beroperasi Penuh Pada Akhir Tahun

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Lynas Malaysia Sdn Bhd menasar fasa pertama kilang bahan mentahnya di Kuantan, Pahang, beroperasi pada kapasiti penuh menjelang akhir tahun.

Naib Presiden dan Pengarah Urusannya Datuk Mashal Ahmad berkata pada masa itulah nanti syarikat akan mula mencatatkan pulangan positif kerana buat masa sekarang kilang itu bergerak pada kadar perlahan dan nilai pengeluaran masih kecil.

"Sekarang ini kami mengeluarkan hanya bagi tujuan persijilan pelanggan.

"Sehingga kami sampai ke tahap di mana semua ini telah diselesaikan, baru itulah kami boleh beroperasi penuh dan melihat perubahan dalam pendapatan kami," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan syarahan bertajuk "Rare Earth: Towards a Greener Future" di sini, Khamis

Syarahan setengah hari itu dianjurkan oleh Universiti Malaya dan Asia-Europe Institute.

Beliau berkata fasa pertama kilang itu berupaya menghasilkan sehingga 11,000 tan metrik pekatan nadir bumi, yang ketika ini beroperasi pada kapasiti 30 peratus.

Mashal berkata sebaik sahaja fasa kedua kilang itu dimulakan dan berupaya menggandakan kapasiti kepada 22,000 tan metrik, syarikat tersebut dijangka boleh membekalkan 20 peratus daripada permintaan pekatan nadir bumi global.

Dalam suku kedua yang berakhir pada 30 Jun, 2013, kilang itu menghasilkan 144 tan metrik pekatan nadir bumi dan mengeksport 117 tan metrik.

Syarikat itu yang menjadi sasaran kempen anti-Lynas menegaskan pematuhannya kepada peraturan tempatan dan antarabangsa di samping memberi penekanan kepada amalan selamat.

"Kami telah diaudit oleh enam badan termasuk Agensi Tenaga Atom Antarabangsa. Kilang kami beroperasi di bawah tekanan atmosfera dan suhu sekitar. Bahan mentah yang kami gunakan tidak tinggi radioaktif," kata Mashal.

Lynas menghasilkan tiga jenis sisa -- penulenan larut serap air (WLP), sulfurisasi gas serombong dan peneutralan limbah bawah di mana WLP merupakan satu-satunya sisa yang mengandungi radioaktif enam becquerel segram.

"Kami telah menemui penggunaan komersial bagi WLP sebagai asas jalan raya. Kami telah menyerahkan pelan kepada kerajaan dan kami kini sedang menunggu kelulusan," katanya sambil menambah bacaan radioaktif sisa buangan itu kurang daripada satu becquerel segram selepas penukaran.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (NATIONAL): MUKA SURAT 7
TARIKH: 27 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)

MP tells deputy minister to 'go to hell'

A HEATED confrontation broke out yesterday between Deputy Science, Technology and Innovation Minister Abu Bakar Mohamad Diah and a group of anti-Lynas activists and opposition MPs who protested in front of Parliament.

Abu Bakar appeared to have ruffled feathers when he said the controversial Lynas rare earth plant in Gebeng, Kuantan, was "as safe as a *kicap* (soy sauce) factory" after receiving a memorandum from the group and before reading it.

The ensuing heated exchange ended in a shouting match between Indera Mahkota MP Fauzi Abdul Rahman and Abu Bakar.

Earlier, the Save Malaysia Stop Lynas (SMSL) group, accompanied by several opposition MPs, passed a memorandum urging the government to close down the plant due to non-compliance of the Temporary Operating Licence (TOL), in which the company was required to disclose its Permanent Disposal Facility (PDF).

Abu Bakar, who accepted the memoran-

dum, immediately made a media statement flanked by the group, declaring Lynas safe, based on his trip there three weeks ago.

When he invited the group and the Opposition to visit the plant at the ministry's expense, both the SMSL members and PR MPs began crowding around him, demanding answers about the PDF.

Abu Bakar told them details of the PDF would not be revealed in light of the ongoing court case between SMSL and Lynas

over the TOL. This riled up those around him.

While being questioned from all directions, Abu Bakar kept reminding them to "listen" to him.

After arguing with almost everyone from the group, Abu Bakar left after an exchange with Fauzi, who is MP for the constituency where the plant was located.

As he was leaving, Fauzi angrily yelled back at him: "Go to hell."

Lynas sasar operasi kilang akhir tahun

Lynas Malaysia Sdn Bhd menyoar fasa pertama kilang bahan mentahnya di Kuantan, Pahang, beroperasi pada keupayaan penuh menjelang akhir tahun.

Naib Presiden yang juga Pengarah Urusan, Datuk Mashal Ahmad, berkata menjelang tempoh itu syarikat akan mula mencatat pulangan positif kerana buat masa sekarang kilang itu bergerak pada kadar perlahan dan nilai pengeluaran masih kecil.

Tujuan persijilan pelanggan

"Sekarang kami mengeluarkan hanya bagi tujuan persijilan pelanggan.

"Hingga kami sampai ke tahap yang mana semua ini sudah diselesaikan, baru boleh beroperasi penuh dan melihat perubahan dalam pendapatan kami," katanya selepas menyampaikan syarahan bertajuk *Rare Earth: Towards a Greener Future* di Kuala Lumpur, semalam.

Syarahan setengah hari itu dianjurkan Universiti Malaya dan Asia-Europe Institute.

Beliau berkata, fasa pertama kilang itu berupaya menghasilkan sehingga 11,000 tan pekatan nadir bumi, yang ketika ini beroperasi pada kapasiti 30 peratus.

Ganda kapasiti

Sebaik saja fasa kedua kilang itu dimulakan dan berupaya menggandakan kapasiti kepada 22,000 tan, syarikat itu dijangka boleh membekalkan 20 peratus daripada permintaan pekatan nadir bumi global.

Pada suku kedua yang berakhir pada 30 Jun lalu, kilang itu menghasilkan 144 tan pekatan nadir bumi dan mengeksport

117 tan.

Syarikat itu yang menjadi sasaran kempen anti-Lynas menegaskan pematuhannya kepada peraturan tempatan dan antarabangsa di samping memberi penekanan kepada amalan selamat. BERNAMA

“
Sekarang
kami
keluarkan
hanya bagi
tujuan
persijilan
pelanggan”

Mashal Ahmad,
Pengarah Urusan
Lynas Malaysia

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 8
TARIKH: 27 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)

No need for PDF in Lynas plant

PETALING JAYA: There is no need for a Permanent Depository Facility (PDF) in Lynas Malaysia Sdn Bhd at this stage.

Lynas Malaysia vice-president and managing director Datuk Mashal Ahmad said that they had successfully found a method to convert Water Leach Purification (WLP) waste into safe commercial products.

"The PDF is used to store very low levels of WLP residue and is only required in a chemical plant as a safety measure, in any case the plant is not able to convert the WLP waste into safe commercial products," he said at a lecture entitled "Rare Earth: Towards a Greener Future" at University Malaya yesterday.

"However, I don't intend to build the PDF as to date.

"Lynas has already developed products that are non-toxic, non-

leachable and non-radioactive. But because the local government requires us to send in a PDF building plan, we have done so," he said.

Mashal also explained that the WLP waste are products that are co-products generated from the leaching process to recover rare earth elements.

"The WLP product contains low levels of naturally occurring radioactive elements of thorium (6.0 Bq/g) and uranium (0.02 Bq/g)," he said, adding that to ensure the safety of employees and people who live in Kuantan, Lynas had also embarked on a Radiation Monitoring Programme.

When asked why Lynas is not staying in Australia, Mashal and Lynas Malaysia Communications and Public Relations general manager Amin

Abdullah replied that much has to do with economical costs.

"It makes more sense to place the plant in Malaysia as it is more cost effective."

As an example, 1 cubic metre of water is charged at RM0.68 in Malaysia, while in Australia, it is RM6, he said.

Amin said that human beings are exposed to radiation almost every day but it is the dosage and the duration that meddles with health concerns.

Mashal later clarified how rare earth can contribute to a greener society where it helps enhance technology.

"It helps in ensuring that technology works better," he said, referring to reduction of energy consumption seen through the auto catalytic converter in cars where it helps increase fuel efficiency.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (FAMILI): MUKA SURAT 3
TARIKH: 27 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)

Bantuan Cyber 999

INFO

Statistik terbaru mangsa jerat cinta siber oleh Pusat Bantuan Cyber 999


Penipuan cinta dalam talian dari Januari hingga Ogos 2013

Jenis Insiden	Jumlah
Scam Cinta (Love scam)	20
Insiden berkaitan Cinta Dalam Talian	3
Jumlah	23

Profil demografi mangsa cinta talian



Profil umur mangsa cinta dalam talian



Bantuan keselamatan siber

Amirudin berkata, Pusat Bantuan Cyber 999 (Cyber Help Centre) boleh membantu dan amat bergunanya buat mereka yang berhadapan dengan isu berkaitan keselamatan siber. Bagaimanapun, perkhidmatan yang disediakan ini masih samar dalam kalangan pengguna internet.

Katanya, pusat bantuan memberi banyak manfaat kepada semua yang memerlukan bantuan kepakaran.

Menjelas secara terperinci mengenai pusat bantuan berkenaan, katanya, perkhidmatan diberikan bukan saja membantu mengendalikan insiden keselamatan siber dengan membuat analisa, tetapi juga menentukan jenis masalah dialami pengguna.

"Pusat bantuan ini juga bertindak mengenal pasti sama ada insiden dilaporkan berciri buli, kecurian identiti, penipuan, pencerobohan dan sebagainya.

"Pada masa sama, kami turut menasihatkan pengguna untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa termasuk polis, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Bank Negara dan lain-lain agensi.

"Selain itu, turut disediakan panduan mengenai langkah perlu diambil, perkhidmatan tindakan susulan selepas insiden, menghubungkan pengguna internet dengan syarikat perkhidmatan seperti Yahoo dan Facebook, serta mengeluarkan hebahan khidmat nasihat untuk keselamatan siber dan pengguna," katanya.

Penggunaan internet dan teknologi komunikasi maklumat (ICT) termasuk gajet sebenarnya aktiviti yang sihat.

Bagaimanapun, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia, Dr Amirudin Abdul Wahab, jika digunakan untuk menjalin hubungan cinta di alam maya, ia bukanlah pilihan bijak.

Amirudin berkata, ia memperlihatkan fenomena kurang sihat memandangkan tindakan itu boleh mendatangkan kemudaratan atau masalah keselamatan siber.

"Antara masalah wujud akibat kelalaian penggunaan termasuklah berlakunya love scam, parcel scam, gangguan siber dan ancaman siber yang lain hingga memudaratkan mangsa.

"Ini bukanlah isu atau perkara baru dalam kalangan pengguna internet, bahkan semakin meluas sejak penggunaan meluas media sosial seperti Facebook dan Twitter. Rekod yang ditunjukkan oleh laporan insiden keselamatan siber berbentuk Scam, sudah diterima sejak 2010 lagi.

"Kami ingin menasihatkan pengguna internet sentiasa berhati-hati dan berwaspada sewaktu berada dalam alam siber. Pastikan, anda tidak mudah terpedaya terhadap maklumat khususnya melalui internet," jelasnya ketika dihubungi, baru-baru ini.



“

ANTARA MASALAH WUJUD AKIBAT KELALAIAN PENGGUNAAN TERMASUKLAH BERLAKUNYA 'LOVE SCAM', 'PARCEL SCAM', GANGGUAN SIBER DAN ANCAMAN SIBER YANG LAIN HINGGA MEMUDARATKAN MANGSA"

Dr Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 27 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)



UiTM Tawar Sarjana Keusahawanan Mac Depan



KUALA TERENGGANU, 26 Sept (Bernama) -- Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan menawarkan program sarjana dalam bidang keusahawanan guna bermula Mac depan dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan muda berkaliber.

Penolong Naib Canselor Akademi Pembangunan Industri Kecil, Sederhana dan Keusahawanan Malaysia ([MASMED](#)) UiTM, Prof Dr Razmi Chik berkata program itu berbeza dengan kursus lain kerana akan menekankan aspek teknikal berbanding penulisan tesis yang bersifat akademik dan teori.

"Kita sudah mendapat kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia berhubung perkara ini dan temu duga akan dijalankan bagi mengenal pasti calon yang layak," katanya selepas merasmikan Persidangan Akademik Antarabangsa 2013, di sini Khamis.

Katanya graduan juga berpeluang menerima geran untuk memulakan perniagaan jika tesis yang dikemuka mereka berpotensi dan mempunyai prospek perniagaan yang menguntungkan.

Selain itu, pihaknya juga akan bekerjasama dengan Pusat Inkubator **Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd (MTDC)** yang baharu ditubuhkan di UiTM bagi membimbing graduan terpilih.

Pelaksanaan program ini juga amat bertepatan dengan pelancaran pelan Memperkasakan Ekonomi Bumiputera baru-baru ini yang menyediakan peruntukan khusus untuk usahawan berinovasi, katanya.

-- BERNAMA